

m1-26

Nilai 3 bakal pusat sukan udara antarabangsa

NILAI: Kerajaan negeri berhasrat menjadikan Nilai 3 sebagai tapak kekal untuk menganjurkan sukan udara termasuk Karnival Udara Negeri Sembilan yang bertaraf antarabangsa, setiap tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Warisan, Pelancongan dan Penerangan negeri, Datuk Zakaria Nordin, berkata adalah sia-sia jika landasan sepanjang 2,600 kaki berharga RM500,000 yang dibina pemaju Nilai 3, tidak digunakan.

Katanya, Karnival Udara Negeri Sembilan 2005 yang pertama kali diadakan di Nilai 3 juga mendapat sambutan lebih 20,000 pengunjung pada hari pertama.

"Berdasarkan faktor berkenaan serta tarikan Nilai 3 sebagai syurga membeli-belah, kita berhasrat menjadikan tempat ini lokasi kekal kepada kegiatan sukan udara di negeri ini," katanya selepas merasmikan Karnival Udara Ne-

geri Sembilan 2005 di Nilai 3, dekat sini.

Program dianjurkan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan (MTPNS) dan Kelab Penerbangan dan Rekreasi Udara Negeri Sembilan (NSSAC) itu dijadualkan pada 19 hingga 25 Ogos lalu, tetapi ditangguhkan akibat jerebu.

Bagaimanapun, penangguhan itu tidak menjejaskan acara tahunan kali ketiga selama dua hari itu apabila berjaya menghimpunkan lebih 150 peserta dari 25 kelab penerbangan.

Antara tarikan terbaru pada karnival itu ialah pengunjung berpeluang mengendalikan pesawat ringan dua tempat duduk dengan dibantu juruterbang terlatih.

Pelawat juga boleh mengendalikan pesawat jenis Eagle 150B itu dalam masa 10 hingga 15 minit dengan bayaran RM100 atau mencuba pesawat ringan lain dengan bayaran RM50 atau menaiki helikopter dengan bayaran RM70.



LANCAR: Zakaria ditemani Nishti Jihan Abdul Adziz, 22 (kanan) dari Elite Flying Club Subang, menghidupkan enjin pesawat tanda perasmian Karnival Udara Negeri Sembilan 2005 di Nilai 3.

OWEE AH CHUN | BERTTA HARIAN